

20 JUL 1999

Mahathir-Harakah

DR MAHATHIR KRITIK HARAKAH PUTAR BELIT CERITA

JITRA, 20 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengkritik media rasmi Pas, Harakah kerana memutarbelitkan cerita orang susah untuk memberi gambaran buruk bahawa beliau pemimpin yang tidak bertanggungjawab.

Perdana Menteri berkata tindakan Harakah itu jelas telah membohongi orang ramai semata-mata bagi menjadikan rakyat benci kepadanya.

"Mereka cuba memberi mesej kononnya saya sebagai pemimpin duduk di mahligai serba indah sedangkan masih terdapat orang di kawasan Parlimen saya hidup dalam serba kedaifan," katanya kepada pemberita di Kampung Jeragan, dekat sini.

Beberapa minggu lepas Harakah telah mengeluarkan satu laporan mengenai Kasim Osman, 68, dari kampung Jeragan yang dikatakan hidup susah dan tinggal dalam sebuah pondok usang.

Hari ini Kasim dengan rela hati menemui Dr Mahathir yang berkunjung ke kampungnya bagi memberi penerangan sebenarnya kepada pemimpin itu.

Kasim menjelaskan kepada Perdana Menteri bahawa sebagai seorang tua, beliau tidak memahami maksud sebenar dua wartawan Harakah datang menemuinya dengan memberitahu beliau bahawa mereka hendak memasukkan cerita itu dalam akhbar.

Kasim yang merupakan anggota Umno, berkata pondok usang di kampung Lamterom, Mukim Temin yang digambarkan itu hanya pondok tempat menunggu buah-buahan sedangkan tempat penginapannya adalah sebuah rumah yang sempurna dan mempunyai segala kemudahan asas di Kampung Jeragan.

Harakah menggambarkan pondok usang itu hanya berukuran empat meter panjang (12 kaki), 2.3 meter (tujuh kaki) lebar dan 2.6 meter (lapan kaki) tinggi dan hanya 0.2 meter sahaja tinggi dari kepalanya ketika menunaikan solat.

Beliau bekerja sebagai penoreh getah dan tinggal seorang diri semenjak kematian isterinya, sementara empat anaknya tinggal berasingan.

"Pak cik tak sangka mereka akan menulis berita mengatakan kami hidup susah sebab itu saya ikut saja bila mereka hendak temuramah," katanya.

Ketika ditanya pemberita mengenai cara laporan Harakah itu, Dr Mahathir berkata tabloid yang dikeluarkan dua kali seminggu itu sebenarnya mempunyai niat jahat.

"Mereka memutar-belit cerita demi kepentingan politik," katanya.

-- BERNAMA

MZM MN NMO